Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial lwn Yazmin bt Mohd Sulaiman

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — RAYUAN SIVIL NO CB-16–01–02 TAHUN 2017
HASSAN ABDUL GHANI PK
12 MAC 2018

Interpretasi Statutori — Pentafsiran akta — Hasrat perundangan — Responden ditimpa kemalangan dan memohon faedah hilang upaya sementara — Perayu menolak permohonan — Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial membenarkan tuntutan responden — Sama ada 'purposive approach' harus diguna pakai apabila membuat tafsiran peruntukan s 24(1)(a) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969

Undang-Undang Pekerja — Keselamatan sosial — Kemalangan semasa perjalanan — Responden memohon faedah hilang upaya sementara — Perayu menolak permohonan — Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial membenarkan tuntutan responden — Sama ada rumah keluarga responden di Subang merupakan 'place of residence or stay' di bawah s 24(1)(a) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969

Responden telah ditimpa kemalangan jalan raya semasa perjalanan dari rumah keluarganya di Subang menuju ke tempat kerjanya di Malayan Banking Bhd cawangan Genting Highland. Berikutan kemalangan tersebut, responden telah memohon untuk faedah hilang upaya sementara tetapi ditolak oleh perayu. Responden telah memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut dan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial bagi Kawasan Timur Semenanjung Malaysia di Bentong Pahang ('JRKS') telah membenarkan rayuan responden dan memutuskan kemalangan yang menimpa responden merupakan satu bencana kerja di bawah s 24(1)(a) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ('Akta'), justeru itu layak menuntut Faedah Hilang Upaya Sementara dalam tempoh cuti sakit. Tidak berpuas hati dengan keputusan JRKS, perayu telah memfailkan rayuan semasa. Perayu berhujah bahawa, memandangkan perjalanan tersebut dari rumah keluarga responden di Subang ke tempat kerja, JKRS terkhilaf dari segi undang-undang kerana gagal mengambil kira rumah keluarga responden di Subang bukanlah 'place of residence or stay' di bawah s 24(1)(a) Akta tersebut.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu dengan kos RM2,000 tertakluk kepada alokatur:

(1) Peruntukan s 24(1)(a) Akta adalah jelas. Oleh kerana perkataannya jelas maka mahkamah perlu menerima perkataan itu seadanya. Mahkamah tidak seharusnya menolak tepi makna jelas seksyen tersebut. Oleh itu, JKRS tidak seharusnya menggunapakai 'purposive approach' apabila membuat tafsiran peruntukan s 24(1)(a) Akta tersebut (lihat perenggan 14).

(2) Memandangkan responden telah disediakan tempat tinggal oleh majikannya di Apartment Ria seperti yang diakui oleh responden dalam pernyataan bertulisnya, maka jelas perjalanan responden dari rumah keluarganya di Subang ke tempat kerja bukanlah tertakluk di bawah skop s 24(1)(a) Akta tersebut kerana rumah keluarga bukanlah tempat kediaman atau tempat tinggal responden untuk pergi dan balik dari tempat kerja. Justeru, JKRS telah khilaf dalam keputusannya kerana kemalangan yang menimpa responden tidak boleh dianggap sebagai bencana kerja (lihat perenggan 15 & 19).

[English summary

The respondent was involved in a road accident while traveling from her family's house in Subang to her workplace at Malayan Banking Bhd Genting Highland branch. The respondent filed an appeal against that decision and the Social Security Appellate Board for East Peninsular Malaysia in Bentong, Pahang ('SSAB') had allowed the appeal of the respondent and decided the respondent's accident was a work disaster under s 24(1)(a) of the Security of Social Workers Act 1969 ('the Act'), hence she was entitled to claim for temporary disability benefit during her sick leave. Dissatisfied with the decision of SSAB, the appellant filed the present appeal. The appellant submitted that, since the journey was from the respondent's house in Subang to the workplace, SSAB had erred in law for failing to take into consideration that the respondent's family house in Subang was not a 'place of residence or stay' under s 24(1)(a) of the Act.

Held, allowing the appellant's appeal with costs of RM2,000 subject to allocator:

(1) The provision of s 24(1)(a) of the Act is clear. Since the word is clear then the court should accept the word as it is. The court should not reject the obvious meaning of the section. Therefore, SSAB should not adopt a 'purposive approach' in construing the provision of s 24(1)(a) of the Act (see para 14).

(2) As the respondent had been provided with a place of residence by her employer at Apartment Ria as acknowledged by the respondent in her written statement, it was clear that the respondent's journey from her family's house in Subang to work was not within the ambit of s 24(1)(a) of the Act as a family house is not the place of residence or residence

which the respondent go back and forth from work. Hence, SSAB had erred in its decision because the respondent's accident could not be considered as a work disaster (see paras 15 & 19).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kemalangan semasa perjalanan, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 2053.

Untuk kes-kes pentafsiran akta secara am, lihat 11(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 2351–2366.

Kes-kes yang dirujuk

All Malayan Estates Staff Union v Rajasegaran & Ors [2006] 6 MLJ 97, MP (dirujuk)

Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial lwn Gow Soo Tan [2004] 3 CLJ 449, MT (dirujuk)

Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Jusoh bin Abu Bakar [2002] 7 MLJ 17, MT (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keselamatan Pekerja 1969 ss 2(6), 24, 24(1), (1)(a)

Ooi Chih Wen (Skrine) bagi pihak perayu.
Responden tidak hadir.

Hassan Abdul Ghani PK:

PENGENALAN

[1] Perayu mengemukakan rayuan terhadap keputusan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial bagi Kawasan Timur Semenanjung Malaysia di Bentong Pahang ('JRKS') yang memutuskan kemalangan yang menimpa responden merupakan satu bencana kerja di bawah s 24(1)(a) Akta Keselamatan Pekerja 1969 ('Akta itu'), justeru itu layak menuntut faedah hilang upaya sementara dalam tempoh cuti sakit.

FAKTA KES

[2] Pada tarikh kemalangan iaitu pada 7 Ogos 2015, responden merupakan seorang yang berinsurans di bawah maksud Akta itu dan bekerja sebagai pegawai bank di Malayan Banking Bhd di Cawangan Genting Highlands.

[3] Menurut keterangan bersumpah responden yang diberikan secara bertulis semasa siasatan pada 30 Oktober 2015, responden mengatakan seperti berikut:

(a) beliau disediakan tempat tinggal oleh majikan di Apartment Ria;

(b) beliau mempunyai tiga *shift* bekerja yang berbeza iaitu:

(i) 7 pagi–3 petang;

(ii) 3 petang–11 malam; dan

(iii) 11 malam–7 pagi.

(c) beliau diberikan satu 'off day' pada setiap minggu. Pada setiap hari tersebut beliau akan pulang ke rumah keluarga di Subang;

(d) pada 6 Ogos 2015 merupakan satu 'off day' dan beliau telah pulang ke rumah keluarga di Subang;

(e) pada 7 Ogos 2015 terdapat perubahan jadual shift di mana beliau diarahkan hadir ke tempat kerja bertugas untuk shift 11 malam–7 pagi;

(f) beliau bertolak dari rumah keluarga pada jam 4 petang dan telah terlibat dalam satu kemalangan jalan raya kira-kira jam 5 petang di lebuh raya MRR2 menyebabkan keretakan pada jari kelima kanannya; dan

(g) kebiasaannya beliau akan pulang ke *apartment* yang disediakan oleh majikan terlebih dahulu sebelum masuk bekerja.

TUNTUTAN FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA

[4] Berikutan kemalangan tersebut, responden telah memohon untuk faedah hilang upaya sementara tetapi ditolak oleh perayu melalui surat bertarikh 25 November 2015 atas alasan yang berikut:

> ... Bukan Kes Bencana Kerja. Ini adalah kerana kemalangan berlaku semasa urusan peribadi dan perjalanan ke tempat kerja belum bermula.

RAYUAN KE JEMAAH RAYUAN KESELAMATAN SOSIAL

[5] Responden tidak berpuas hati dan mengemukakan rayuan kepada JKRS melalui Borang A bertarikh 5 Januari 2016.

[6] Pada 27 Disember 2016, JKRS membenarkan rayuan responden dan memutuskan kemalangan tersebut berlaku semasa pemohon dalam perjalanan dari rumah keluarganya di Subang ke tempat kerjanya dan oleh itu terjatuh dalam lingkungan skop s 24(1)(a) Akta tersebut.

MEMORANDUM RAYUAN PERAYU

[7] Perayu merayu terhadap keputusan JKRS dan berhujah seperti berikut:

(i) JKRS telah khilaf apabila memutuskan kemalangan yang menimpa responden berlaku dalam perjalanan ke tempat kerjanya apabila kenyataan bertulis responden mengesahkan bahawa beliau pada kebiasaannya pulang ke *apartment* beliau dahulu sebelum ke tempat kerja; dan

(ii) oleh kerana perjalanan tersebut dari rumah keluarga responden di Subang ke tempat kerja, JKRS terkhilaf dari segi undang-undang kerana gagal mengambil kira rumah keluarga responden di Subang bukanlah 'place of residence or stay' di bawah s 24(1)(a) Akta tersebut.

PENGHUJAHAN PEGUAMCARA PERAYU

[8] Berkaitan dengan isu (i) peguamcara berhujah JKRS terkhilaf dalam keputusannya kerana tidak mengambil kira keterangan bersumpah responden bahawa dari rumah keluarganya, beliau akan singgah di *apartment* terlebih dahulu sebelum masuk kerja. Peguamcara mengatakan adalah tidak masuk akal keterangan responden bahawa walaupun tiba pada jam 7 petang beliau akan tunggu di bank sehingga jam 11 malam sebelum shiftnya bermula untuk memulakan kerja.

[9] Berkaitan dengan isu (ii), peguamcara mengatakan s 24(1)(a) Akta tersebut merujuk kepada perjalanan ulang alik yang biasa atau diambil setiap hari untuk pergi dan balik dari tempat kerja. Oleh kerana responden telah disediakan *apartment* untuk tempat tinggalnya oleh majikan maka tempat kediaman 'place of residence' ataupun tempat tinggal 'place of stay' bagi maksud s 24(1)(a) Akta tersebut ialah apartment tersebut dan bukan rumah keluarga responden di Subang. Justeru itu kemalangan yang berlaku ke atas responden tidak boleh disifatkan sebagai bencana kerja dengan merujuk kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Jusoh bin Abu Bakar* [2002] 7 MLJ 17.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[10] Mahkamah tidak akan membincangkan isu (i) kerana berpendapat isu (ii) mencukupi untuk melupuskan rayuan ini.

[11] Seksyen 2(6) Akta tersebut memperuntukkan bencana kerja adalah:

> [6] 'Bencana kerja' ertinnya bencana pada seseorang pekerja sendiri disebabkan oleh kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannnya dalam sesuatu perusahaan yang terhadapnya Akta ini terpakai.

[12] Berkaitan dengan maksud bencana kerja, Sulaiman Daud H dalam kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial lwn Gow Soo Tan* [2004] 3 CLJ

449, telah memetik Lord Denning MR:

> ... saya bersetuju dengan pandangan Lord Denning MR dalam kes Ex-Parte Michael bahawa untuk sesuatu bencana kerja, dua elemen utama perlu dipenuhi, iaitu pertamanya kecederaan itu hendaklah terbit daripada pekerjaannya, dan keduanya ia juga hendaklah terbit dalam masa menjalankan pekerjaannya.

[13] Seksyen 24 Akta tersebut memperluaskan skim perlindungan untuk meliputi kemalangan semasa dalam perjalanan dengan memperuntukkan bahawa:

(a) sesuatu kemalangan yang berlaku kepada seseorang orang berinsurans hendaklah disifatkan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya jika kemalangan itu berlaku semasa orang berinsurans itu:

  (i) *dalam perjalanan mengikut laluan dibantara tempat kediamannya atau tempat tinggalnya dengan tempat kerjanya*;

  (ii) dalam perjalanan yang dibuat bagi apa-apa sebab yang secara lansung berkaitan dengan penggajiannya; atau

  (iii) dalam perjalanan diantara tempat kerjanya dengan tempat dia pergi makan dalam masa rehat yang dibenarkan.

(b) jika kemalangan di bawah sub-s (1) berlaku dalam masa apa-apa perhentian, atau apa-apa lencongan, perjalanan orang berinsurans itu yang dibuat bagi mana-mana maksud yang dinyatakan dalam sub-seksyen yang sama, kemalangan itu tidaklah disifatkan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya.

[14] Mahkamah berpendapat peruntukan s 24(1)(a) Akta tersebut adalah jelas. Oleh kerana perkataannya jelas maka mahkamah perlu menerima perkataan itu seadanya. Mahkamah tidak seharusnya menolak tepi makna jelas seksyen tersebut. Lihat *All Malayan Estates Staff Union v Rajasegaran & Ors* [2006] 6 MLJ 97 (MP). Oleh itu JKRS tidak seharusnya menggunapakai 'purposive approach' apabila membuat tafsiran peruntukan s 24(1)(a) Akta tersebut.

[15] Berdasarkan kepada peruntukan s 24(1)(a) Akta tersebut, ianya bermakna responden hanya berhak kepada tuntutan faedah hilang upaya sementara jika kemalangan tersebut berlaku semasa responden dalam perjalanan kerja daripada tempat kediamannya atau tempat tinggalnya. Memandangkan responden telah disediakan tempat tinggal oleh majikannya di Apartment Ria seperti yang diakui oleh responden dalam pernyataan bertulisnya (di ms 17 RR), maka jelas perjalanan responden dari rumah keluarganya di Subang ke tempat kerja bukanlah tertakluk di bawah skop s 24(1)(a) Akta tersebut kerana rumah keluarga bukanlah tempat kediaman atau tempat tinggal responden untuk pergi dan balik dari tempat kerja.

[16] Mahkamah ingin merujuk kepada kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Jusoh bin Abu Bakar* di mana fakta kes adalah lebih kurang sama dengan kes ini. Dalam kes tersebut responden telah ditimpa kemalangan semasa dalam perjalanan dari kampungnya di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu ke rumah sewanya di Paka Dungun untuk menukar uniform sebelum pergi ke tempat kerjanya. Sebelum sempat tiba di rumah sewanya, responden telah terlibat dengan kemalangan dan mengalami kecederaan.

[17] Nik Hashim J dalam kes tersebut telah membenarkan rayuan perayu dan memutuskan seperti yang berikut:

> ... it is my judgment that the accident was not an employment injury under s 2(6) of the Act. The respondent's house at Kampung Teluk Ketapang, Kuala Terengganu cannot in law be considered as his place of residence or stay in relation to his place of work for the purpose of s 24(1)(a) of the Act, simply because it is not the respondent's home or base where he goes out to work everyday. The Ketapang house is his weekend retreat. Therefore the respondent's journey from Teluk Ketapang to his rented house at Paka on that fateful day cannot be considered as travelling on a route between his place of residence or stay and his place of work.
>
> His place of residence or stay is the rented house at Paka. It is from this house that his employer provided him with a van to go to work and return ...
>
> To hold that the Teluk Ketapang house is the respondent's place of residence or stay for the purpose of s 24(1)(a) would be, to my mind to overstretch the provision under the section beyond its reasonable limit.

[18] Mahkamah bersetuju dengan pandangan tersebut. Justeru itu Mahkamah memutuskan tempat permulaan perjalanan responden iaitu dari rumah keluarganya di Subang tidak boleh dari segi undang-undang dianggap sebagai tempat kediaman ataupun tempat tinggal menurut s 24(1)(a) Akta tersebut kerana ia bukanlah tempat di mana responden berulang alik untuk pergi dan balik dari tempat kerjanya setiap hari.

KONKLUSI

[19] Sungguhpun untuk setiap *off-day* responden akan pulang ke rumah keluarganya di Subang, ia hanya boleh dianggap sebagai 'weekend retreat'. Justeru itu JKRS telah khilaf dalam keputusannya kerana kemalangan yang menimpa responden tidak boleh dianggap sebagai bencana kerja kerana perjalanan responden pada hari tersebut bukan bermula dari tempat kediaman ataupun tempat tinggal mengikut kehendak s 24(1)(a) Akta tersebut.

Rayuan perayu dibenarkan dengan kos RM2,000 tertakluk kepada alokatur. Deposit dipulangkan kepada perayu.

Rayuan perayu dibenarkan dengan kos RM2,000 tertakluk kepada alokatur.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar